



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 1 TAHUN 2014**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN DI MUSIM
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2014**

TARIKH: 16 JANUARI 2014

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN DI MUSIM PERAYAAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan penyediaan bas ekspres tambahan ("Bas Ekspres Tambahan") pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2014.

2. LATAR BELAKANG

- 2.2 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) akan membenarkan pengendali bas ekspres yang sedia ada menyediakan Bas Ekspres Tambahan bagi menampung permintaan orang ramai dalam mendapatkan perkhidmatan bas ekspres di musim perayaan Tahun Baru Cina.
- 2.3 Pengendali berlesen bas ekspres boleh memohon Lesen Perubahan Sementara ("LPS") untuk menggunakan bas-bas di bawah lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam dan lesen kenderaan pelancongan yang lain, tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3.1 Permohonan LPS

3.1.1 Kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan pelancongan yang dibenarkan untuk digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan adalah kenderaan-kenderaan yang dilesenkan seperti berikut:

- i. Bas sekolah;
- ii. Bas pekerja;
- iii. Bas catar; dan
- iv. Bas persiaran.

3.1.2 Bas -bas yang boleh digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan yang dibenarkan adalah yang dibawah milik Pemohon LPS tersebut **ATAU** dimiliki oleh pengendali berlesen atau pemegang lesen yang lain.

3.2 Garis Panduan Permohonan LPS

3.2.1 Pemohon LPS mestilah pengendali berlesen bas ekspres yang sedia ada.

3.2.2 Permohonan LPS hendaklah dibuat oleh Pemohon yang juga bertanggungjawab ke atas penjualan tiket-tiket bas

tambahan di kaunter tiket. Agen tiket tidak dibenarkan memohon LPS.

- 3.2.3 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan LPS Musim Perayaan yang boleh didapati dari pejabat-pejabat S.P.A.D. yang berhampiran atau dimuat turun dari laman web rasmi S.P.A.D. di www.spad.gov.my.
- 3.2.4 Tarikh akhir permohonan LPS ini adalah sehari sebelum tarikh perayaan tersebut tertakluk kepada hari bekerja. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.
- 3.2.5 Setiap borang permohonan hendaklah diisi dengan menaipkan maklumat yang dikehendaki. Borang permohonan yang diisi dengan tulisan tangan tidak diterima.
- 3.2.6 Contoh tiket Bas Ekspres Tambahan cetakan komputer hendaklah disertakan bersama-sama borang permohonan. Tiket ini hendaklah sama dengan tiket yang dijual kepada penumpang.
- 3.2.7 Kadar bayaran bagi setiap permohonan LPS adalah sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Sahaja (RM20.00).
- 3.2.8 Permohonan hendaklah dikemukakan ke pejabat-pejabat S.P.A.D. (kecuali ibu pejabat S.P.A.D).

3.3 Terminal -Terminal Bas Pada Musim Perayaan

3.3.1 Terminal-terminal bas ekspres dan Bas Ekspres Tambahan bagi musim perayaan adalah berdasarkan terminal operasi bas ekspres sedia ada yang dibenarkan oleh S.P.A.D. dan lain-lain terminal yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

3.4 Syarat Khas Bas Ekspres Tambahan

- 3.4.1 Bas yang hendak digunakan sebagai Bas Ekspres Tambahan hendaklah berusia tidak melebihi sepuluh (10) tahun daripada tarikh ianya dibuat.
- 3.4.2 Bas Ekspres Tambahan hendaklah mempunyai cukai jalan dan perlindungan insurans yang masih sah mengikut Bahagian IV, Seksyen 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- 3.4.3 Permit Kenderaan yang sah dan masih beroperasi mengikut kelas lesen asal hendaklah sentiasa dipamerkan di dalam Bas Ekspres Tambahan.
- 3.4.4 Salinan LPS hendaklah dipamerkan di dalam Bas Ekspres Tambahan.
- 3.4.5 Bas-bas yang diluluskan sebagai Bas Ekspres tambahan boleh beroperasi sebagai Bas Ekspres Tambahan hanya dalam tempoh sah LPS tersebut sahaja.

- 3.4.6 Bas Ekspres Tambahan hendaklah mengambil dan menurunkan penumpang di terminal atau hentian bas yang ditetapkan sahaja. Bas Ekspres Tambahan tidak dibenarkan untuk mengambil dan menurunkan penumpang di luar kawasan terminal atau hentian bas yang ditetapkan.
- 3.4.7 Bagi perjalanan melebihi tiga ratus kilometer (300 km) atau melebihi empat (4) jam berturut-turut, Bas Ekspres Tambahan dimestikan untuk mempunyai pemandu kedua dan buku log pergerakan yang dikemaskini. Pemanduan empat (4) jam berturut-turut tersebut merangkumi apa-apa waktu berhenti rehat yang diambil dalam tempoh perjalanan tersebut.
- 3.4.8 Mempamerkan pengenalan Bas Ekspres Tambahan pada cermin hadapan bas dengan butiran yang berikut:
- (a) nama syarikat bas ekspres;
 - (b) bilangan perjalanan; dan
 - (c) destinasi.
- 3.4.9 Bas Ekspres Tambahan hendaklah mematuhi jadual perjalanan atau masa operasi seperti yang yang dicetak pada tiket.
- 3.4.10 Bas Ekspres Tambahan hendaklah memberikan perkhidmatan dari tempat permulaan perjalanan

sehingga ke destinasi akhir bas tersebut mengikut laluan yang diluluskan. Bas Ekspres Tambahan tidak dibenarkan membuat pertukaran penumpang di sepanjang perjalanan.

- 3.4.11 Salinan Jadual Tambang dan Permit Perkhidmatan Pemohon yang mengeluarkan tiket hendaklah dibawa bersama di dalam Bas Ekspres Tambahan untuk tujuan pemeriksaan.
- 3.4.12 Bas Ekspres Tambahan hendaklah senantiasa berada di dalam keadaan yang memberikan keselesaan kepada penumpang ketika beroperasi.

3.5 Penjualan Tiket

- 3.5.1 Pemohon hendaklah memastikan urusan tiket dilaksanakan seperti berikut:
 - (a) semua tiket bas ekspres dan Bas Ekspres Tambahan yang dijual dicetak dengan cetakan komputer;
 - (b) semua tiket dijual di kaunter tiket yang sah;
 - (c) jumlah tiket yang dijual hendaklah mengikut jumlah tempat duduk bas yang berkenaan. Tiada penumpang dibenarkan berdiri/duduk selain daripada tempat yang dinyatakan pada

tiket; dan

- (d) menyatakan maklumat berikut pada tiket bas :
- (i) nama syarikat bas ekspres yang mengeluarkan tiket tersebut;
 - (ii) harga tiket;
 - (iii) nama terminal bas;
 - (iv) bilangan perjalanan;
 - (v) masa berlepas;
 - (vi) no. rujukan tempat duduk; dan
 - (vii) destinasi perjalanan.

3.6 Caj Tambahan Bas Ekspres Tambahan

3.6.1 Tiada caj tambahan dibenarkan untuk operasi bagi semua Bas Ekspres Tambahan yang beroperasi sepanjang tempoh LPS.

3.7 Tempoh Sah LPS

3.7.1 Tempoh sah laku LPS bagi musim perayaan Tahun Baru Cina 2014 adalah dari 17 Januari 2014 sehingga 17 Februari 2014.

3.7.2 Sekiranya Pemohon membuat permohonan LPS selepas 17 Januari 2014, tempoh sah laku permohonan adalah bermula dari tarikh kelulusan LPS yang diberikan oleh S.P.A.D. sehingga 17 Februari 2014.

3.8 Tanggungjawab Pemohon LPS

- 3.8.1 Pemohon adalah bertanggungjawab ke atas penjualan tiket sepanjang musim perayaan tersebut bagi tempoh sah LPS.
- 3.8.2 Pemohon yang menjual tiket Bas Ekspres Tambahan adalah bertanggungjawab dalam memastikan jumlah tiket yang dijual tidak melebihi jumlah tempat duduk di dalam bas yang disediakan.
- 3.8.3 Pemohon adalah bertanggungjawab dalam memastikan operasi dan pengendalian Bas Ekspres Tambahan di setiap laluan berjalan lancar.
- 3.8.4 Pemohon hendaklah memastikan Bas Ekspres Tambahan yang digunakan memberikan perjalanan yang selamat dan selesa kepada penumpang. Penyaman udara Bas Ekspres Tambahan yang digunakan hendaklah berfungsi dengan baik sepanjang perjalanan. Bas Ekspres Tambahan yang digunakan hendaklah mempunyai ruang duduk yang selesa.

- 3.8.5 Pemohon hendaklah memastikan penumpang hanya membawa bagasi bagi kegunaan persendirian dan bukan untuk tujuan perniagaan, perdagangan, tunggangan dan keuntungan; dan
- 3.8.6 Pemohon hendaklah memastikan semua penumpang mempunyai tiket bercetak komputer yang sah, yang dikeluarkan oleh Pemohon.

4. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai **17 Januari 2014**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat